

**Kuasa, Krisis dan Kewartawanan: Satu Kajian Kes ke atas Pelaporan  
Utusan Malaysia mengenai Operasi Lalang 1987**

**Oleh**

**Yeoh Ching Loon**

**Tesis Yang Diserahkan untuk memenuhi  
sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**JANUARI 2004**

## PENGHARGAAN

Disertasi ini tidak akan dapat dihasilkan tapi sokongan daripada insan-insan berikut :

### KELUARGA

- Yang sentiasa menyokong, memahami dan menyayangi serta sabar menanti....

### PROF MADYA ZAHAROM NAIN

- Dalam kesibukan tugas harian sebagai pensyarah sudi memberi penyeliaan, panduan, kritikan, “leteran”, nasihat dan “ancaman”.

### PROF MADYA MUSTAFA KAMAL ANUAR

- Yang tajam penanya, keras kritiknya, aktif peranannya dalam perjuangan untuk kebebasan akhbar di Malaysia.

### PROF LOH KOK WAH

- Yang sudi berbincang, berdebat dan bertukar pandangan...dan senantiasanya positif dalam kehidupan.

### PROF MADYA KHOO BOO TEIK

- Yang dalam kesibukannya menghasilkan karya Beyond Mahathir: Malaysian Politics and Its Discontents tetap sudi ditemuramah. Pengalaman yang dikongsi dengan penulis harus diakui sungguh bermanfaat walaupun “keras.”

### PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI

- Prof Ramli, Prof Madya Khor Yoke Lim dan pensyarah-pensyarah di pusat pengajian yang sudi memberikan kritikan dan pandangan yang membina.

### ALIRAN

- Yang menjadi platform kepada diri ini untuk mengenal hitam putih kebenaran. Begitu juga dengan ET.Gomez dan Dr Nasir Hashim yang muncul dalam program Aliran. Perbincangan dan diskusi singkat dengan insan-insan ini telah memberi pengalaman menarik.

### Rakan-Rakan Sekuliah

- Suhaida, Azlina, Tan, Lim, Aziah, Ros, Nurhayati, Subha, Rizam dan Yessy serta nama-nama lain yang tidak sempat disebutkan disini.

### Taufik Hidayat & Keluarga

- Rakan sekuliah, teman berbincang yang akrab. Yang sanggup menemani semasa kunjungan pengkaji ke Jakarta. Budi baik akan dikenang jua. Indonesia harus diakui kaya dengan budayanya, alamnya, orangnya, seninya...Penjelajahan dari Sumatera, Tanah Jawa ke Pulau Bali suatu pengalaman yang maha kaya.

**Mereka adalah insan-insan yang perlu diteladani....**

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan kuasa antara akhbar dan pemerintah dalam situasi krisis khususnya di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad, dengan pelaporan *Utusan Malaysia* mengenai krisis Operasi Lalang 1987, dijadikan sebagai kajian kes. Asas dan implikasi hubungan antara akhbar dan pemerintah telah kerap diperdebatkan khususnya antara sarjana-sarjana komunikasi, NGO media dan pemerintah. Polemik ini masih tergantung dan tiada kesudahannya. Tetapi apa yang pasti asas hubungan ini memberi implikasi besar dalam mencorakkan nilai, fungsi, peranan, struktur dan sosialisasi akhbar di Malaysia. Justeru itu kajian ini cuba untuk memahami asas hubungan antara akhbar dan pemerintah khususnya hubungan kuasa antara *Utusan Malaysia* dan elit pemerintah berasaskan analisis sejarah, politikal ekonomi dan kajian budaya kerana analisis ini lebih telus dan menyeluruh yang melewati keseluruhan pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Mahathir Mohammad apatah lagi sorotan ke atas kajian lepas mendapati kurangnya analisis sejarah dalam melihat hubungan kuasa antara akhbar dan pemerintah. Perbincangan dalam kajian ini dimulakan dengan menganalisis Operasi Lalang 1987 dengan tumpuan kepada rangkaian konflik-krisis yang membawa kepada tindakan kerajaan melancarkan Operasi Lalang. Sementara analisis ke atas Kertas Putih Operasi Lalang mempersembahkan kelompangan dalil-dalil pemerintah dalam mengabsahkan tindakannya melancarkan Operasi Lalang melalui mekanisme ISA. Pelbagai keraguan telah ditimbulkan oleh pengkaji khususnya dakwaan-dakwaan dalam kertas putih tersebut yang tampaknya meletakkan pemberat kepada parti politik pembangkang sementara parti politik pemerintah dikatakan hanya "bertindak balas." Seterusnya pengkaji menggariskan keseluruhan krisis-krisis utama di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad. Hasil perbandingan pengkaji antara krisis politik 1987 dan 1998 telah memperlihatkan trend pemerintah dalam menangani krisis kepimpinan intra elit UMNO dan inter elit politik komponen parti Barisan Nasional yang tampaknya masih terikat dengan politik perkauman/etnik dengan menimbulkan isu-isu sensitif (agama, bangsa, budaya dan pendidikan) menerusi saluran media dibawah pemilikan parti pemerintah. Hal ini membuktikan akhbar di bawah pemilikan parti politik pemerintah dalam situasi krisis tidak wujud dalam kekosongan khususnya dalam pergolakan politik dan sosial yang "mengancam" ketuanan dan kepentingan etnik yang diwakilinya, ironinya ia adalah untuk kepentingan dan hegemoni sekelompok kecil elit pemerintah. Justeru itu dalam mana-mana zaman pemerintahan: kuasa, krisis dan kewartawanan adalah saling berkait rapat.

This study looks at the power relationships between the press and those in government in a crisis situation. More specifically, it looks at these relationships under the premiership of Mahathir Mohammad, using coverage of the 1987 *Operasi Lalang* by *Utusan Malaysia* as a case study.

The origins and implications of these relationships between the press and governments have often been debated, especially by communication scholars, NGOs, the media, and even governments. It has almost become a debate without end. However, what is clear, certainly in the context of Malaysia, is that these relationships between the press and government have wide-ranging and serious implications for the functions, roles, values and structures of the press.

This study, thus, attempts to understand these relationships, particularly those between *Utusan Malaysia* and the political elites through an historical, political economic and cultural analysis. It touches on the development of *Utusan Malaysia* under the premiership of all four of Malaysia's past prime ministers, culminating in the administration of Dr. Mahathir Mohammad.

This study begins with a critical analysis of *Operasi Lalang*, focusing on the chain of events that led to the conflict and crisis, which concluded with the government launching *Operasi Lalang*. Questions are raised about the validity of the arguments put across in the government White Paper on *Operasi Lalang*. In particular, this study questions the official argument that *Operasi Lalang* – and the subsequent detention of more than 100 individuals under the Internal Security Act (ISA) – was a necessary *response* by the government to *threats* posed by these individuals to *national security*.

Following this, the study outlines the major crises under the administration of Dr. Mahathir and specifically compares and contrasts the crisis of 1987 and that of 1998. In so doing, the study illustrates a trend in the way the administration handled such crises of leadership at both the intra-elite level of the United Malays National Organisation (UMNO) and the inter-elite level of the Barisan Nasional (BN). The trend or tendency was for the elites to address – and attempt to overcome – these crises by resorting to the politics of ethnicity/race by raising issues related to religion, culture, ethnicity and educational rights. This was done through representations in the mainstream media, the majority of which, including *Utusan Malaysia*, being under the economic control of the ruling political parties.

In conclusion, this study contends that the press in Malaysia does not exist in a vacuum, but is inextricably linked to the ruling elites. This, as this study attempts to show, is especially true in moments of crisis, such as when there is political and social upheaval, which threaten the interests and sovereignty/hegemony of the elites whose interests the press represent. In sum, then, the basic conclusion of this study is that, irrespective of the era of the ruling administration, power, crisis and the press are invariably inter-related.

# Jadual Kandungan

MS

|                   |     |
|-------------------|-----|
| Penghargaan       | i   |
| Abstrak           | ii  |
| Abstract          | iii |
| Jadual Kandungan  | iv  |
| Senarai Carta     | vi  |
| Senarai Singkatan | vii |

## BAB SATU PENGENALAN

|  |    |
|--|----|
| 1.1 Latar Belakang Kajian                                      | 1  |
| 1.2 Persoalan Kajian   | 15 |
| 1.3 Objektif Kajian  | 16 |
| 1.4 Kepentingan Kajian   | 17 |
| 1.5 Sorotan Literature   | 17 |
| 1.6 Kerangka Teoritikal  | 21 |
| 1.6.1 Perkaitan Antara Konsep-Konsep dalam Kerangka Teoritikal | 29 |
| 1.7 Skop Kajian  | 29 |
| 1.8 Kerangka Penulisan   | 30 |

## BAB DUA KERANGKA KONSEPTUAL & DIMENSI-DIMENSI DALAM MELIHAT HUBUNGAN KUASA

|  |    |
|--|----|
| 2.1 Pengenalan   | 33 |
| 2.2. Penghuraian Konsep Kuasa  | 34 |
| 2.3. Dimensi-Dimensi Pandangan Kuasa   | 38 |
| 2.3.1. Permasalahan Dalam Aplikasi Pandangan-Pandangan<br>Dimensi Kuasa Dalam Melihat Hubungan Kuasa | 43 |
| 2.4 Operasionalisasi Kuasa Dalam Kajian  | 45 |
| 2.5 Metodologi Kajian  | 47 |
| 2.5.1 Populasi dan Prosedur Persampelan  | 49 |

|       |                                  |    |
|-------|----------------------------------|----|
| 2.5.2 | Unit analisis.....               | 49 |
| 2.5.3 | Pemilihan edisi akhbar.....      | 50 |
| 2.5.4 | Kategori dan Unit Pengkodan..... | 50 |
| 2.5.5 | Jadual dan Arahan Koding.....    | 59 |
| 2.5.6 | Prauji.....                      | 59 |

### **BAB TIGA : PEMERINTAHAN MAHATHIR MOHAMMAD DAN KRISIS-KRISIS UTAMA**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 3.1 | Pengenalan.....                                    | 60 |
| 3.2 | Fasa Pertama 1981-1984.....                        | 61 |
| 3.3 | Fasa Kedua 1985-1990.....                          | 63 |
| 3.4 | Fasa Ketiga 1991-1996.....                         | 70 |
| 3.5 | Fasa Keempat 1997-2000.....                        | 71 |
| 3.6 | Perbandingan antara krisis 1969,1987 dan 1998..... | 79 |
| 3.7 | Fasa Kelima 2001-2003.....                         | 83 |

### **BAB EMPAT :SEJARAH DAN PERKEMBANGAN AKHBAR MAINSTREAM BERBAHASA MELAYU: Dari Nasionalisme kepada Politikal Ekonomi**

|       |   |     |
|-------|---|-----|
| 4.1   | Pengenalan .....  | 86  |
| 4.2   | Utusan Melayu dan UMNO sebelum kemerdekaan.....                           | 87  |
| 4.3   | Utusan Melayu dan UMNO selepas kemerdekaan.....                           | 90  |
| 4.4   | Struktur Pemilikan dan Kawalan ke Akhbar Mainstream Berbahasa Melayu..... | 91  |
| 4.4.1 | Utusan Melayu dan UMNO pada zaman Tunku Abdul Rahman (Tunku).....         | 91  |
| 4.4.2 | Utusan Malaysia dan UMNO pada zaman Tun Abdul Razak.....                  | 98  |
| 4.4.3 | Utusan Malaysia dan UMNO pada zaman Tun Hussein Onn.....                  | 105 |

|   |     |
|---|-----|
| 4.4.4 Utusan Malaysia dan UMNO pada zaman<br>Mahathir Mohammad.....                                   | 107 |
| 4.4.5 Akhbar Di Bawah Proses Transisi Mahathir-Abdullah:<br>Perubahan Struktur dan Lanskap Media..... | 112 |
| 4.4.6 Utusan Malaysia: Ideologi, Komersialisasi,<br>Alat Kerajaan dan Sendi Islam?.....               | 119 |

**BAB LIMA : AKHBAR DI BAWAH PEMERINTAHAN MAHATHIR MOHAMMAD:  
Nilai Asia dan Ideologi Mahathirisme.**

|  |     |
|--|-----|
| 5.1 Pengenalan .....   | 127 |
| 5.2 Mahathir Mohammad dan Nilai Asia.....                          | 128 |
| 5.3 Mahathir Mohammad dan NWICO.....                               | 135 |
| 5.4 Mahathir Mohammad dan kritik Sistem Akhbar.....                | 140 |
| 5.4.1 Kritik Mahathir ke atas Model Autoritarian dan Komunis ..... | 141 |
| 5.4.2 Kritik Mahathir ke atas Model Liberalisme .....              | 142 |
| 5.4.3 Model Tanggungjawab Sosial sebagai model ideal.....          | 142 |
| 5.5. Struktur Akhbar di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad.....  | 144 |

**BAB ENAM : ANALISIS KAJIAN: KONSTRUK TINGKAH LAKU & ARAH  
PELAPORAN UTUSAN MALAYSIA MENGENAI OPERASI LALANG 1987**

|                               |     |
|-------------------------------|-----|
| 6.1 Pengenalan .....          | 151 |
| 6.2 Analisis Kuantitatif..... | 154 |
| 6.3 Analisis Kualitatif.....  | 164 |

**BAB TUJUH : PERBINCANGAN .....** 175

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN JADUAL DAN SENARAI ARAHAN KODING  
SENARAI CARTA**

|   |     |
|---|-----|
| Carta 1 : Lima Pemegang Saham terbesar Utusan Melayu (M) Bhd..... | 108 |
|---|-----|

## Senarai Singkatan

|      |   |
|------|---|
| BBK  | Barisan Bertindak Komunis   |
| BMF  | Bumiputera Malaysia Finance                                       |
| BN   | Barisan Nasional  |
| BSKL | Bursa Saham Kuala Lumpur  |
| DAP  | Parti Tindakan Demokratik Malaysia                                |
| DEB  | Dasar Ekonomi Baru  |
| DPN  | Dasar Pembangunan Nasional  |
| DTC  | Koperasi Pengambilan Deposit                                      |
| DUN  | Dewan Undangan Negeri   |
| FEER | <i>Far Eastern Economic Review</i>                                |
| IMP  | Parti Merdeka Tanah Melayu  |
| ICPJ | <i>International Committee to Protect Journalists</i>             |
| ISA  | Akta Keselamatan Dalam Negeri                                     |
| ISIS | <i>Institute for Strategic and International Studies Malaysia</i> |
| KAMI | Kumpulan Aktivis Media Independen                                 |
| KDNK | Keluaran Dalam Negara Kasar                                       |
| KMU  | <i>Kilussang Mayo Uno</i>   |
| KWSP | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja                                    |
| MCA  | Persatuan Cina Malaysia.  |
| MCKK | Maktab Melayu Kuala Kangsar                                       |
| MIC  | Kongres India Malaysia  |
| MITI | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri                 |
| MBN  | Measat Broadcast Network Systems                                  |
| MNC  | Multinational Corporation   |
| MPB  | Media Prima Bhd   |
| MRCB | Malaysian Resources Corp Bhd                                      |



|         |   |
|---------|---|
| MTEN    | Majlis Tindakan Ekonomi Negara                                    |
| NGO     | Badan Bukan Kerajaan  |
| NST     | New Straits Times   |
| NSTP    | New Straits Times Press Berhad                                    |
| NWICO   | Orde Baru Komunikasi Dunia  |
| PAS     | Parti Islam SeMalaysia  |
| PAP     | Parti Tindakan Rakyat   |
| PBB     | Parti Pesaka Bumiputera Bersatu                                   |
| PBS     | Parti Bersatu Sabah   |
| PERNAS  | Perbadanan Nasional   |
| PETA    | <i>Philippine Educational Theatre Association</i>                 |
| PKM     | Parti Komunis Malaya  |
| PRM     | Parti Rakyat Malaysia   |
| PUM     | Persatuan Ulama Malaysia  |
| SB      | <i>Special Branch</i>   |
| SPR     | Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia                                  |
| STMB    | Sistem Televisyen Malaysia Berhad                                 |
| SUHAKAM | Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia                                    |
| SUPP    | Parti Bersatu Rakyat Sarawak                                      |
| SUQIU   | Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia |
| TNC     | Transnational Corporation   |
| Tunku   | Tunku Abdul Rahman  |
| UEM     | United Engineering Malaysia Bhd                                   |
| UMNO    | Parti Bersatu Kebangsaan Melayu                                   |

## PENGENALAN

**“Could it be possible that the infamous “Operasi Lalang” through the instrument of the ISA was a bad political move? Or was it an inseparable facet of a system that thrives on exploitation of class, race and religion? It is a fact that an oppressive system will inevitably create its own contradictions and pave the way for its own destruction. But this process can be staved off by further oppressing and silencing any form of opposition through undemocratic means.”**

-Mohd Nasir Hashim (1989)

### 1.1. Latar Belakang Kajian : Operasi Lalang @ *Black October*

Pemerintahan Mahathir Mohammad (1981-2003) yang menjangkau selama dua abad tidak sunyi dari sebarang krisis politik dan ekonomi. Ramai sarjana dan penganalisis politik bersetuju bahawa krisis 1987 tidak dapat dinafikan merupakan krisis yang amat penting dalam keseluruhan tempoh pemerintahan Mahathir Mohammad (Ho (2003), Case (1996), Khoo Boo Teik (1995), Khoo Kay Jin (1992), Crouch (1992), Fan Yew Ting (1989) & Chamil Wiraya (1988). Krisis 1987 jika dilihat dari perspektif kuasa memperihalkan kemuncak interaksi antara pelbagai elit dan subelite,<sup>1</sup> mewakili pelbagai komponen kuasa: eksekutif, perundangan, badan bukan kerajaan (NGO) dan akhbar yang dimuatkan dalam suatu “melting pot”.

Operasi Lalang menerusi mekanisme Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang dilancarkan oleh eksekutif dengan penangkapan dan penahanan secara besar-besaran pada 27 Oktober 1987 dan beberapa siri tangkapan seterusnya merupakan perumpamaan “melting

---

<sup>1</sup> Rujuk Case (1996) dalam kajiannya ke atas elit dan rejim di Malaysia yang mengenalpasti tiga komponen elit nasional di Malaysia: elit negara (kerajaan, birokrasi, militer) elit ekonomi (Industri, Kewangan, Perdagangan) elit sivil (pembangkang, kesatuan sekerja dan badan sukarela).

pot” yang nyata apabila seramai 106 orang ditahan<sup>2</sup> di bawah Seksyen 13, terdiri daripada pemimpin pembangkang, aktivitis masyarakat, aktivis alam sekitar, ahli akademik, ahli kesatuan sekerja, ahli agama, pendidik, penyokong kerajaan dan pelbagai spektrum ahli masyarakat; berhubung tindakan mereka yang didakwa “memudaratkan” keselamatan negara dan bakal mencetuskan huru-hara persis krisis 13 Mei 1969. Kesan semerta, segala bentuk perhimpunan politik telah dilarang dan 4 buah permit penerbitan suratkhbar telah dibatalkan. Senario politik dan keselamatan negara pada ketika itu kononnya “kritikal”, dengan ditelenggami oleh pelbagai isu “sensitif” seperti isu agama, bahasa ibunda, kebudayaan dan hak keistimewaan, lantaran itu Operasi Lalang dianggap oleh kerajaan sebagai suatu “keperluan”, “justifikasi” dan “langkah awalan” untuk mencegah kejadian rusuhan demi “menyelamatkan” negara daripada “bahaya” dan “bencana.” Ironinya hasil sorotan pengkaji mendapati isu-isu “sensitif” ini sebaliknya cenderung dimanipulasi oleh elit politik parti pemerintah Barisan Nasional khususnya UMNO dan MCA (Senario ini dibincangkan dengan lanjut dalam Bab 3 Pemerintahan Mahathir Mohammad dan Krisis-Krisis Utama).<sup>3</sup>

Dari perspektif pemerintah, Operasi Lalang dilihat sebagai antiklimaks dan manifestasi penyalahgunaan dan percanggahan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan yang dikatakan mendukung dasar “liberalisme” selama ini. Dalam ucapan Mahathir Mohammad di Persidangan Parlimen yang disiarkan secara langsung dan dipetik secara *verbatim* oleh akhbar-akhbar tempatan, kerajaan menurut Mahathir Mohammad (sejak awal pemerintahannya) kononnya cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan dan gerak-geri rakyat yang mungkin boleh menyebabkan ketegangan antara kaum dan agama. Ini katanya diperlihatkan kepada tindakan kerajaan, yang sebelum ini membebaskan tahanan

---

<sup>2</sup> Bilangan rasmi tahanan ISA adalah seramai 106 sementara bilangan tidak rasmi tahanan ISA mungkin menunjukkan angka yang bertambah khususnya “militan Jundullah” yang dikatakan mempunyai ahli seramai 150 orang.

<sup>3</sup> Senario Operasi Lalang akan dibincangkan dengan lanjut dalam Bab 3, berasaskan dalil Operasi Lalang tidak seharusnya dilihat sebagai krisis “stand alone” tetapi bermula dengan rantaian-rantaian konflik intra UMNO, interelit dan “interetnik”. Sementara perbandingan Operasi Lalang 1987 dengan krisis 1998 yang bermula dengan krisis kepimpinan dalam UMNO dan seterusnya manipulasi isu Suqiu oleh elit pemerintah akan dapat melihat Operasi Lalang dengan lebih jelas dari segi trend krisis dan bagaimana krisis diskripikan dan diselesaikan atau ditangani dengan mekanisme represif dan seterusnya diperkukuhkan dengan agenda “perpaduan” Melayu dan agenda perpaduan elit politik intra BN.

ISA serta meluluskan lebih banyak permohonan mencetak akhbar dan majalah, laporan dan rencana yang dahulunya ditakrif sebagai hasutan, dibenarkan untuk disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Kegiatan kebudayaan yang dahulunya ditegah atau dihadkan diberi kelonggaran. Perhimpunan, seminar, dialog dan juga rali yang dianggap sebagai menghasut, tidak diambil tindakan oleh kerajaan. Badan-badan politik, sosial dan profesional pula, “bebas” membuat tohmahan dan tuduhan melulu yang bercorak “perkauman” terhadap kerajaan (Mahathir Mohammad dalam Utusan Malaysia, 29 Oktober 1987)<sup>4</sup>.

Sementara dari perspektif masyarakat sivil, Operasi Lalang dilihat sebagai berakhirnya demokrasi dan bermulanya rejim autoritarian di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad dengan pencabulan ke atas hak asasi rakyat yang diperlihatkan melalui penangkapan secara besar-besaran demi mengukuhkan kuasa eksekutif khususnya ketika elit-politik pemerintah sedang menghadapi krisis keyakinan dan perpecahan pada ketika itu (Kua Kia Soong, 1989). Implikasi Operasi Lalang terhadap media dan hak asasi adalah nyata apabila buat pertama kalinya empat buah akhbar telah digantung permit penerbitannya. Kawalan ke atas media diperketatkan menerusi pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Pindaan juga telah dilakukan ke atas Akta Polis di mana mesyuarat politik termasuk perhimpunan tahunan parti tidak boleh dilakukan tanpa permit polis (*New Straits Times*, 5 December 1987, *Aliran Monthly*, 1988, Vol. 8:3.).<sup>5</sup> Seseengah sarjana pula melihat tindakan

---

<sup>4</sup> Cheah (2001) mengungkapkan senario yang di atas sebagai bersamaan dengan kempen Mao Zedong “**Let One Hundred Flower Bloom, One Thousand Thought Content**” yang berakhir dengan tragedi.

<sup>5</sup> Lihat Cheah Boo Kheng (2001) untuk mengetahui asas kewujudan mekanisme represif ISA dan implikasinya ke atas hak asasi di Malaysia. **Cheah Boo Kheng (2001)** juga melakukan perbandingan status hak asasi antara zaman pra kolonial dan kolonial serta mendapati: *There was little or no individual freedom, freedom of expression or free labour in human rights in Malay states before colonial rule. The initial gains for these human rights in Malaya in the 19<sup>th</sup> century came about largely due to British Administration's introduction of the rule of law. Human rights in the colonial period evolved painfully slowly-by fits and starts.* Pengenalalan ISA oleh pentadbiran British menurut Cheah (2001) adalah selaras dengan Peraturan Darurat 1948 untuk menangani ancaman komunis dan mekanisme ISA diteruskan oleh kerajaan Perikatan. **Shamsul A.B (2000) Development & Democracy in Malaysia** bahawa kewujudan “*undemocracy institution*” (termasuk mekanisme represif) pada masa sekarang seharusnya dilihat dari perspektif sosio sejarah khususnya pada zaman kolonial (1945-1955) di mana senario negara pada ketika itu dipenuhi dengan perkauman, kebangkitan buruh, komunis dan tentangan kepada sistem politik yang hendak diperkenalkan oleh British. Kewujudan “*undemocracy institution*” dalam negara masa kini adalah *legacy* dari zaman kolonial. Cheah (2001) menimbulkan satu persoalan menarik, **kini komunis telah berakhir kenapa ISA masih diteruskan?**

pemerintah melancarkan Operasi Lalang sebagai berakhirnya dasar “liberalisme di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad.

Kertas Putih Operasi Lalang, yang dibentangkan di Parlimen pada 24 March 1988, lima bulan selepas Operasi Lalang dengan tujuan untuk memaklumkan kepada rakyat peranan dan kegiatan “pihak-pihak” tertentu yang dikatakan menjejaskan ketenteraman awam serta memudaratkan keselamatan negara dalam bulan Oktober 1987 dilihat oleh sesetengah penganalisis politik dan sarjana (misalnya Lim 1988 & 1990, Kua 1990, Chandra 1988) sebagai menjustifikasi atau mengabsahkan penggunaan mekanisme ISA dengan penangkapan beramai-ramai oleh eksekutif dalam Operasi Lalang pada Oktober 1987.

Kertas Putih Operasi Lalang telah meletakkan sepenuhnya kesalahan ke atas elemen-elemen parti politik pembangkang, media massa, anasir komunis dan anasir luar negara yang dikatakan “enggan” melihat wujudnya kestabilan, keamanan dan kesejahteraan di Malaysia. Walau bagaimanapun menurut kertas putih tersebut faktor terpenting yang menyebabkan tindakan kerajaan melancarkan Operasi Lalang dikatakan berpunca dari peranan parti politik khususnya parti politik pembangkang, yang dikatakan menimbulkan keadaan ketegangan yang serius, kononnya hanya parti pembangkang seperti DAP & PAS sahajalah yang telah memanipulasi dan mengeksploitasi isu-isu sensitif, sementara komponen-komponen parti dalam Barisan Nasional misalnya MCA dan UMNO hanya bertindakbalas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh DAP dan PAS.<sup>6</sup>

Antara isu-isu yang didakwa dieksploitasi oleh DAP adalah isu: Akta Pelajaran 1961, pembangunan Bukit Cina di Melaka, Koperasi Pengambilan Deposit (DTC), pembacaan ikrar di sekolah, matapelajaran elektif di Universiti Malaya, penggunaan bahasa dalam papan tanda di Johor, dan penempatan guru besar dan penolong kanan yang tidak mempunyai latar pendidikan Cina ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sementara PAS dikatakan mengeksploitasi isu murtad dikalangan penganut Islam di Malaysia.

---

<sup>6</sup> Versi ini tidak jauh berbeza dengan ucapan Mahathir Mohammad di Parlimen pada 29 Oktober 1987 sehari selepas penangkapan beramai-ramai di bawah ISA. Versi kertas putih Operasi Lalang yang dibentangkan di Parlimen lima bulan selepas itu hanya bertindak memperkukuhkan versi ucapan Mahathir Mohammad.

Ironinya dakwaan-dakwaan dalam kertas putih tersebut meletakkan sepenuhnya tanggungjawab kepada parti pembangkang dan menafikan peranan serta beberapa tindakan parti politik pemerintah dalam isu-isu seperti pembangunan Bukit Cina, ucapan “pendatang” oleh Lee Kim Sai, ucapan “Ketuanan Melayu” oleh Abdullah Ahmad, selain ucapan Presiden UMNO, Mahathir Mohammad dan ucapan Timbalan Presiden Umno, Anwar Ibrahim dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Jun 1986, yang disifatkan sebagai gagal untuk mengambil kira sensitiviti dan menghormati masyarakat majmuk di Malaysia.<sup>7</sup> Begitu juga dengan kerjasama antara Parti MCA, Gerakan dan DAP dalam satu platform mengenai isu perlantikan guru besar dan penolong kanan dan sebagai reaksinya Pemuda UMNO “bertindakbalas” menganjurkan perhimpunan “raksasa” yang disulami dengan sentimen etnik. Ini dituruti dengan rancangan penganjuran Perhimpunan Umat Melayu oleh UMNO pada 1 November 1987 yang kononnya untuk menyambut ulang tahun penubuhan UMNO, dengan memobilisasi seramai 500,000 ahli UMNO dari seluruh negara; membuktikan peranan parti politik pemerintah tidak wujud dalam kekosongan malahan bertindak sebagai “juara kepada perkauman”.

Selain itu Kertas Putih Operasi Lalang juga telah meletakkan tanggungjawab ke atas “anasir-anasir” seperti PAS dan beberapa gerakan ajaran sesat yang dikatakan memeralatkan Islam untuk kepentingan politik.<sup>8</sup> PAS dikatakan memanipulasi isu murtad di kalangan orang Islam. Sementara dakwaan yang “penting” tetapi kurang dari segi logik dan *substance* adalah wujudnya “gerakan militan” Jundullah atau Tentera Allah yang ditubuhkan oleh ahli PAS di Kelantan pada 20 Ogos 1987, dengan tujuan untuk menegakkan pemerintahan Islam di Malaysia melalui tindakan militan.<sup>9</sup> Menurut kertas putih tersebut penubuhan Jundullah atau Tentera Allah didorong antara lain oleh keadaan “ketegangan kaum” yang wujud dan kononnya “militan Jundullah” akan menjadi penyelamat umat Muslim jika “rusuhan perkauman” berlaku. “Militan Jundullah” juga dikatakan memberi

---

<sup>7</sup> Lihat petikan penuh ucapan Presiden UMNO pada perhimpunan Agung UMNO 1986 dalam Amanat Presiden Jilid II kompilasi Wan Mohd Mahyiddin & Nik Mustaffa Yusof (eds.) (1997).

<sup>8</sup> Dakwaan bahawa PAS memanipulasi Islam untuk kepentingan politik kerap diutarakan oleh Mahathir Mohammad, sebagai satu bentuk pertentangan antara fahaman “Islam PAS” dan “Islam Umno”

<sup>9</sup> Tiada bezanya dengan dakwaan pemerintah bahawa wujudnya organisasi **al-Maunah dan KMM** yang mempunyai hubungan dengan rangkaian teroris antarabangsa yang bermatlamat untuk melakukan pemberontakan bersenjata yang bertujuan untuk menubuhkan negara Islam.

latihan “keganasan” dan ketenteraan kepada anggota-anggotanya dengan menghantar mereka untuk menjalani latihan bersama dengan Gerila Pembebasan Islam di Selatan Thailand dan juga mendapatkan bekalan senjata api (tekanan ditambah).

Selain itu kumpulan-kumpulan ajaran sesat Islam juga dikatakan menyumbang kepada “kemudaratan negara” dan menurut Kertas Putih Operasi Lalang, kumpulan ajaran sesat tersebut dikesan sejak beberapa tahun sebelum itu. Di antara kumpulan-kumpulan ini adalah Tarikat Zikrullah atau ajaran Hassan Anak Harimau. Begitu juga dengan kewujudan kumpulan yang dipimpin oleh Muhammad Yusof Abdul Karim dengan ahli sejumlah 40 orang di Perak. Persoalannya kini bagaimana kewujudan “dua kumpulan ajaran sesat” dengan ahli tidak melebihi 100 orang, dapat memudaratkan keselamatan negara. Jika dianggap kewujudan kumpulan-kumpulan ajaran agama sesat ini bakal mengulangi “Peristiwa Memali,” asas andaian ini tidak menyakinkan dan tidak kukuh kerana laporan Kertas Putih Peristiwa Memali menyerlahkan elemen partisan; dan keengganan kerajaan untuk menubuhkan tribunal bebas untuk menyiasat Peristiwa Memali menimbulkan keraguan terhadap asas dakwaan Kertas Putih Peristiwa Memali. Persoalannya kini mengapa kewujudan “kumpulan ajaran sesat” yang melibatkan Tarikat Zikrullah atau ajaran Hassan Anak Harimau tersebut tidak ditangani lebih awal walhal menurut kerajaan, “kumpulan ajaran sesat” telah dikesan bergerak secara aktif sejak beberapa tahun yang lepas.

Pada masa yang sama, Kertas Putih Operasi Lalang mendakwa wujudnya gerakan-gerakan untuk “mengkristiankan orang Islam” oleh satu kumpulan kecil yang dikenali sebagai *Neglected People Workers* (NPW) yang berpusat di *First Baptist Church*, Selangor. Sebaliknya Philip Cheong orang yang dituduh mengetuai NPW untuk “mengkristiankan” orang Islam, mencabar secara terbuka SB (*Special Branch*) di Parlimen melalui ahli parlimen pembangkang untuk memberi contoh dan bukti yang kukuh mengenai dakwaan tersebut. Kementerian Dalam Negeri gagal memberi sebarang respon kepada cabaran tersebut dan ini sekali lagi menimbulkan persoalan kredibiliti dan akauntabiliti terhadap dakwaan-dakwaan kerajaan dalam kertas putih tersebut.

Jika dakwaan wujudnya gerakan “militan Jundullah” menimbulkan keraguan, perbincangan lanjut ke atas butir-butir dakwaan yang terkandung dalam Kertas Putih Operasi Lalang bakal menimbulkan pelbagai persoalan, berikutan dakwaan wujudnya “Kumpulan Marxist” di Malaysia yang bertujuan untuk merungkai struktur sosial dan politik negara dan menubuhkan kerajaan yang bersistem komunis. Kumpulan ini didakwa dipelopori oleh “beberapa individu” yang menghayati fahaman Marxist ketika menuntut di beberapa universiti di UK, Amerika Syarikat dan univerti tempatan. Kumpulan tersebut juga didakwa kononnya mempunyai hubungan dengan pertubuhan luar dan merupakan sebahagian daripada Front Komunis Antarabangsa yang menerima latihan di Filipina menerusi *Philippine Educational Theatre Association (PETA)* dan *Kilussang Mayo Uno (KMU)*.

Strategi Kumpulan Marxist ini, menurut Kertas Putih Operasi Lalang adalah dengan melaksanakan kerja *conscientization* di kalangan masyarakat dengan tujuan untuk menyedarkan rakyat bahawa kemiskinan, penderitaan dan ketidakupayaan mereka adalah berpunca dari penindasan oleh sistem yang wujud sekarang. Mengikut kumpulan ini, rakyat hendaklah berjuang menukarkan sistem sosial yang ada dan seharusnya mewujudkan satu sistem bersifat kesamarataan. Semua ini kononnya adalah selaras dengan Barisan Bersatu Komunis (BBK) iaitu strategi komunis untuk mendapatkan sekutu buat sementara waktu dengan sebarang kumpulan atau orang-orang perseorangan yang bukan komunis dan bekerjasama dalam memperjuangkan satu-satu isu yang menjadi kepentingan bersama. Kemuncaknya kumpulan Marxist ini didakwa akan menubuhkan kerajaan “*Dictatorship of Proletariat*” sebelum transisi kepada kerajaan komunis.<sup>10</sup>

Chandra Muzaffar (1988) menimbulkan persoalan menarik mengenai dakwaan wujudnya Kumpulan Marxist dalam Kertas Putih Operasi Lalang. Adakah Kumpulan Marxist yang didakwa dipelopori oleh “beberapa individu” ini bermaksud satu kumpulan yang disatukan di bawah satu struktur organisasi atau beroperasi dalam satu kerangka dimana

---

<sup>10</sup> Dakwaan ini cocok dengan kenyataan Mahathir Mohammad (1986: 87) setahun sebelum Operasi Lalang “*In their (communists) efforts to “divide” the Malays and lessen their resistance to communist offensive, they use groups of communist sympathizers whose opposition to Islam is not too apparent. They use the socialist concept of ideology since it does not concern so much with the question of religion.*” Apa yang menghairankan adalah hujah ini telah disediakan setahun sebelum Operasi Lalang dilancarkan.



ia mempunyai satu pemimpin yang sama atau mempunyai matlamat dan objektif yang sama. Jika ya dimanakah Kumpulan Marxist? Apakah latar belakang sejarah kumpulan ini?

Tegas Chandra Muzaffar (1988) persoalan-persoalan yang paling asas ini gagal dijawab dalam Kertas Putih Operasi Lalang tersebut. Apa yang menarik menurut Chandra (1988) cubaan Kertas Putih Operasi Lalang untuk mengaitkan “Kumpulan Marxist” dengan PETA dan KMU yang didakwa mempunyai hubungan dengan organisasi komunis antarabangsa akhirnya menyerlahkan kelompangan atau kepalsuan dakwaan tersebut. PETA sebenarnya merupakan organisasi nasionalisme yang menggunakan platform teater untuk membentuk kesedaran sosial dikalangan rakyat dan mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Filipina. Sementara KMU adalah pergerakan buruh yang bertujuan untuk memulihkan status sosioekonomi golongan miskin atau terpinggir melalui proses demokrasi dan program-program yang dianjurkan oleh KMU mendapat pengiktirafan Gereja Katholik Filipina. Sebaliknya PETA dan KMU didakwa oleh kerajaan Malaysia sebagai organisasi pro-komunis. Apa yang menghairankan PETA pernah dijemput oleh kerajaan Malaysia untuk menyertai Festival Seni Kuala Lumpur 1985 (Aliran Vol 8.(2)). Sementara itu Mohd Nasir Hashim yang dituduh sebagai penggerak kepada penubuhan “Dictatorship of Proletariat” mendakwa tuduhan itu sengaja dibina secara melencong (“*sheer fabrication*”) sebagai tindakan politik yang jahat.

Untuk melengkapkan dakwaan, Parti Komunis Malaya (PKM) yang diketuai oleh Chin Peng dikatakan mengambil kesempatan dari keadaan “tegang” itu untuk memajukan objektifnya merampas kuasa demi menubuhkan sebuah negara komunis di Malaysia<sup>11</sup>. Ironinya, Timbalan Menteri Pertahanan pada ketika itu Abang Abu Bakar mengeluarkan kenyataan akhbar menafikan kewujudan elemen komunis yang dikatakan cuba meneguk di air

---

<sup>11</sup> Jika benar wujud apa yang dikatakan sebagai penglibatan PKM sehingga memaksa kerajaan melancarkan Operasi Lalang, persoalannya kenapa PKM menandatangani Perjanjian Perlucutan Senjata dengan Kerajaan Malaysia di Hadyai pada tahun 1989 walhal dua tahun sebelum itu PKM dikatakan “meneguk di air keruh” dalam “suasana ketegangan” dengan tujuan menubuhkan kerajaan komunis di Malaysia. Rujuk Chin Peng: *My Side of The Story* (2003). Sementara Joseph Liew (2003) tidak menafikan andaian wujudnya ancaman PKM dalam krisis 1987 adalah berpunca dari Dasar Luar pemerintahan Mahathir Mohammad yang terus menyimpan perasaan syak wasangka terhadap hubungan antara China dengan Parti Komunis Malaya (PKM) selain munculnya kembali Radio Suara Revolusi Malaya dengan nama baru Radio Suara Demokrasi Malaysia (propaganda komunis) yang dipancarkan dari Selatan China pada 1981.

keruh (Utusan Malaysia 1 November 1987). Hal ini diperkukuhkan dengan kenyataan mantan Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor bahawa rancangan untuk mengadakan perbincangan damai dengan PKM telah sedia wujud sejak 1984 dan hanya digerakkan sejak Ogos 1988 dengan tujuan untuk menamatkan pemberontakan bersenjata PKM secara rasmi (tekanan diberi) (Lam Li dalam The Star 27 Oktober 2003). Kenyataan ini membawa konotasi bahawa PKM sebenarnya tidak aktif sejak tahun-tahun 80-an lagi dan Perjanjian Hadyai yang ditandatangani pada 2 Disember 1989 antara kerajaan Malaysia dan PKM hanyalah berbentuk formaliti semata-mata. Justeru itu dakwaan kerajaan bahawa PKM cuba “meneguk di air keruh” dengan mengambil kesempatan daripada senario ketidaktenteramaan negara pada tahun 1987 dengan tujuan untuk menubuhkan kerajaan komunis adalah diragui kebenarannya.

Pengkaji berpendapat asas dakwaan wujudnya Kumpulan Marxist dan penglibatan PKM seharusnya dilihat kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang berorientasikan Ordinan Darurat 1948, bertujuan untuk menangani ancaman komunis. Justeru itu wujud kemungkinan bahawa elemen Marxist dan Komunis sengaja diwujudkan untuk mengabsahkan tindakan kerajaan melancarkan Operasi Lalang melalui mekanisme ISA. Sayugia diingatkan mengaitkan individu atau kumpulan tertentu dengan elemen-elemen komunis bukan perkara baru dalam politik Malaysia khususnya di kalangan elit-elit pemerintah sejak zaman pemerintahan Tunku selepas pengenalan ISA pada tahun 1960.

*“There is no better bogey than the communist one for in the eyes of the ruling elite the entire question of security and stability, of peace and harmony, is inextricably intertwined with the perennial Communist threat....National security inseparable from the challenge posed by the Communist movement. This is why in every mass ISA exercise since Merdeka the Communist threat has been used as a justification for detaining all sorts of people. It happened in 1964 although the real issue then was Indonesia Confrontation...1969 though the problem was ethnic, in 1974 arrests, the Communist bogey was raised again, though the underlying problem was related to inflations, low*

*rubber prices and peasant grievances. In 1976 the Communist specially the Soviet threat was the excuse for arrests within UMNO. And in 1987, threat served as a useful camouflage to conceal an elite attempt to consolidate power and to control the political system*"(Chandra Muzaffar, Aliran Vol 8.(2))

Elemen terakhir dalam Kertas Putih Operasi Lalang mendakwa *Akhbar The Star, Sunday Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh* didakwa sebagai terlalu ghairah memuat dan menonjolkan berita, pendapat dan rencana yang memuatkan isu-isu perkauman dan melagakan pemimpin kaum dan pertubuhan lain. Kesemua akhbar ini telah didakwa sengaja menonjolkan isu-isu sensitif untuk memajukan kepentingan politik pihak-pihak yang memiliki atau mengurus akhbar dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing dan tidak menghiraukan kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Persoalannya kini siapakah pemilik akhbar-akhbar *The Star, Sunday Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh*? Hasil sorotan mendapati akhbar-akhbar tersebut dimiliki oleh komponen parti politik pemerintah dan individu yang rapat dengan pemerintah, yang sebelum ini dikatakan tidak terlibat mencetuskan isu-isu sensitif. Bagaimana pula dengan akhbar *Utusan Melayu, Berita Harian dan NST*? Adakah akhbar-akhbar (*Utusan, Berita dan NST*) yang dimiliki oleh UMNO tidak terlibat dalam mencetuskan isu-isu sensitif? Adakah akhbar-akhbar ini wujud dalam kekosongan sosial dan jauh daripada pergolakan masyarakat? Sekurang-kurangnya elemen terakhir dalam Kertas Putih Operasi Lalang secara tidak langsung mengaitkan parti politik pemerintah yang juga pemilik akhbar-akhbar tersebut sebagai berperanan menonjolkan isu-isu sensitif dan dalam konteks Operasi Lalang, hubungan antara elit pemerintah dan akhbar dilihat sebagai cenderung bersifat akomodasi yang devian sifatnya.

### 1.1.1 Senario Persuratkhabaran Selepas Krisis Operasi Lalang 1987.

Krisis Operasi Lalang 1987 tidak dinafikan menjadi titik penting dalam melihat aspek kawalan dan pemilikan ke atas struktur akhbar Malaysia setelah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan<sup>12</sup> dipinda pada tahun 1988 dan permit penerbitan dua buah akhbar harian (*The Star & Sin Chew Jit Poh*) dan dua akhbar mingguan (*Sunday Star & Watan*) telah ditarik balik permit penerbitannya semasa Operasi Lalang 1987 kerana akhbar **dikatakan bercanggah dengan polisi “liberalisme” media di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad** (tekanan ditambah). Implikasi pindaan akta tersebut amat meluas kerana buat pertama kalinya kuasa penuh diberikan kepada eksekutif untuk membatalkan lesen penerbitan, dan keputusan tersebut tidak boleh dicabar di mahkamah. Implikasi Operasi Lalang dan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, tidak seharusnya dilihat kepada ruang lingkup dan latar masa di mana ia berlaku tetapi meluas dan ini dimanifestasi dalam tahun-tahun selepas krisis 1987.

Analisis yang dilakukan oleh Chandra Muzaffa (1988) dalam melihat pelaporan akhbar-akhbar mainstream Malaysia pada tahun 1987 dan 1988 semasa kemuncak krisis dengan tumpuan kepada lima isu utama yang melibatkan: (1) penahanan beramai-ramai di bawah ISA, (2) pindaan kepada pelbagai akta (misalnya Akta Polis dan Akta Penerbitan & Mesin Cetak), (3) konflik antara eksekutif dan kehakiman, (4) pengharaman UMNO dan (5) isu akauntabiliti dan skandal kewangan mendapati; wujudnya halangan dan larangan terhadap akhbar dalam mengeluarkan pendapat terhadap isu-isu penting di atas dan keengganan akhbar untuk menyiasat, menganalisis dan mendedahkan kebenaran, dalam situasi di mana pemerintahan autoritarian telah menjadi realiti dan membawa ancaman kepada kesejahteraan masyarakat pada keseluruhannya. Ironinya akhbar yang sepatutnya mengingatkan pemerintah kepada tanggungjawabnya untuk *accountable* kepada rakyat sebaliknya mengabsahkan tindakan pemerintah yang mengabaikan tanggungjawab demokratik. Tegas Chandra Muzaffar analisis yang dilakukannya ke atas pelaporan akhbar selepas Operasi Lalang 1987 memmanifestasikan bahawa: *“Once a government betrays its democratic responsibility, it would have no qualms about camouflaging the lie, or worse,*

---

<sup>12</sup> Lihat Azmi Abdul Khalid dalam Aliran Vol 8 (3) mengenai impak pindaan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak.

*suppressing the truth. The newspaper have been partners of the government in the perpetuation of this reprehensible crime (Aliran V.8 (3): 4)."*

Tunku Abdul Rahman dalam kolum sulungnya selepas *The Star* dibenarkan untuk diterbitkan semula, berpendapat secara peribadi merasakan apa yang ditulis dalam kolumnya (sebelum permit penerbitan ditarik balik) adalah seimbang dan tidak bias. "Saya hanya menyalurkan perasaan tanpa sebarang prejudis dan sebarang komen adalah adil...justeru itu apabila lesen *The Star* ditarik balik saya merasa terkejut. Satu-satunya alasan kerajaan yang membawa kepada pengantungan tersebut adalah *The Star* dikatakan membawa pengaruh yang tidak baik kepada *NST* dan memainkan isu perkauman" (*The Star* 26 March 1988).

Mengambil akhbar *The Star* sebagai contoh kes, Zaharom Nain (1990) mengungkapkan bahawa selepas Operasi Lalang, MCA sebagai penaung politik *The Star* tidak lagi dapat menjamin bahawa akhbar *The Star* mampu diterbitkan tanpa sebarang ketakutan dan berpihak. Hal ini kerana kuasa yang dimiliki oleh MCA untuk mempengaruhi *The Star* hanya berupa imaginasi daripada realiti, hanya Mahathir Mohammad atas kapasitinya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang boleh dan mampu mempengaruhi (organisasi akhbar) melalui perlaksanaan kuasa penuh yang dimilikinya (Aliran V.10 (11)20).

Senario yang diungkapkan oleh Zaharom Nain (1990) secara tidak langsung memperlihatkan fenomena penstrukturan semula kuasa antara parti komponen Barisan Nasional khususnya antara UMNO dan MCA selepas krisis 1987. Begitu juga dengan penstrukturan semula kawalan kuasa *allocative* dan kawalan kuasa pengoperasian akhbar *The Star* yang menyaksikan Tunku tidak lagi menjadi Pengerusi *The Star*, selain melibatkan pertukaran Ketua Pengarang *The Star*. Begitu juga dengan pengurangan bidang kuasa kehakiman dengan pindaan ke atas Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 yang menyaksikan pemusatan kuasa kawalan media di tangan eksekutif.

Manifestasi ini tidak terhad ditimbulkan oleh beberapa pertubuhan NGO media dan hak asasi selepas krisis 1987 tetapi ia berterusan, di mana pertubuhan-pertubuhan NGO secara berterusan mempertikaikan halangan dan kawalan pemerintah ke atas media di Malaysia yang dikawal dengan peruntukkan undang-undang (Misalnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi) yang ketat dan pemilikan organisasi media oleh elit parti politik dan individu-individu yang rapat dengan elit parti pemerintah.

Charter 2000, misalnya mendakwa kawalan ke atas pemilikan organisasi media akan hanya membolehkan segelintir individu yang mempunyai kepentingan politik dan ekonomi untuk memantap dan mengekalkan kawalan mereka terhadap masyarakat melalui media, yang fungsinya hanya menjadi "pak turut". Kawalan media yang bercorak politik menafikan hak orang ramai untuk mendapatkan julat pandangan yang penuh. Kawalan ini "merompak" peluang orang ramai untuk membuat sesuatu keputusan. Di bawah kawalan ketat ini, media berkecenderungan untuk memapar dan mempromosi agenda elit politik dan golongan kaya. Sementara itu keprihatinan masyarakat madani (*civil society*) yang berautonomi diketepikan, begitu juga dengan golongan miskin dan kumpulan terpinggir (Laman Web Charter 2000).

Manifestasi ini diterjemahkan melalui tindakan yang lebih konkrit, apabila Inisiatif Wartawan<sup>13</sup> nekad mengemukakan memorandum yang ditandatangani oleh 581 wartawan<sup>14</sup> kepada Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), di mana mereka merayu agar SUHAKAM campur tangan dalam menangani masalah kebebasan akhbar di Malaysia. Kumpulan ini menggesa Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dimansuhkan kerana mendakwa undang-undang tersebut menghalang wartawan dalam menjalankan tugas untuk menyediakan maklumat yang tepat dan seimbang. Pada April 2000 satu memorandum yang diendos oleh 370 wartawan telah diserahkan kepada Menteri Dalam Negeri, Abdullah Badawi. Sementara pada Mei 2002 bersempena dengan Hari Kebebasan Akhbar Sedunia satu lagi memorandum telah diserahkan kepada SUHAKAM yang diendos oleh 1000 orang wartawan, menuntut

---

<sup>13</sup> Pergerakan NGO Media.

<sup>14</sup> Wujud pelbagai halangan ke atas wartawan untuk menandatangani memorandum tersebut. Antaranya adalah kebanyakan wartawan takut ia akan menjejaskan karier mereka. Selain itu wujud pengaruh daripada wartawan kanan yang tidak menggalakkan rakan sejawatan untuk menandatangani memorandum tersebut kerana ia akan dianggap sebagai tidak taat kepada kerajaan (Lihat Kean 2001)

agar diwujudkan persekitaran kebebasan media seperti yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi yang menjamin kebebasan untuk bersuara dan informasi (Yap Mun Ching dalam Malaysiakini 3 Mei 2002).

Oktober 2001 juga menyaksikan sekumpulan penerbit, penulis dan wartawan dari media alternatif, yang menggabungkan diri mereka di bawah Kumpulan Aktivitis Media Indepen (KAMI) mengemukakan memorandum yang mengandungi tujuh tuntutan sebagai reaksi kepada tindakan Kementerian Dalam Negeri yang mengharamkan lesen penerbitan dan pengedaran suratkhbar Eksklusif, serta Majalah Detik dan Al-Wasilah. Salah satu tuntutan KAMI adalah untuk menghapuskan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Fathi Aris Omar, Aliran 2001 & Ahmad Lufti 3 Oktober 2003). Sementara pada tahun yang sama Perspektif Pedas yang terdiri daripada gabungan sekumpulan individu dan wartawan akhbar Cina ditubuhkan sebagai reaksi kepada usaha MCA melalui Huaren Holdings yang mengambil alih *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* (P.Ramakrishanan, Aliran 2001). Ringkasnya dalam tahun-tahun selepas krisis 1987 dan 1998, industri persuratkhabaran telah menyaksikan kewujudan pergerakan-pergerakan NGO media yang bertindak sebagai badan pendesak, menuntut agar halangan-halangan kepada kebebasan akhbar yang terkandung dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan di Malaysia dihapuskan.

Sebaliknya kerajaan memberi reaksi negatif terhadap tuntutan yang terkandung dalam memorandum tersebut. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (kini Timbalan Menteri) Zainuddin Maidin melabelkan wartawan kononnya sebagai “tidak malu” sehingga sanggup “memalsukan” tandatangan wartawan dalam memorandum yang diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Abdullah Badawi dan SUHAKAM. Zainuddin Maidin juga mendakwa kononnya wartawan kurang pemahaman tentang “nasionalisme” dan menghadapi “sindrom inferior kompleks” seperti wartawan Barat yang tidak lagi menghargai kekuatan untuk menolong negara menghadapi “serangan” demi kestabilan dan perpaduan nasional (Yap Mun Ching dalam Malaysiakini 1 Ogos 2002).

Manifesti ini turut dikongsi oleh pertubuhan media antarabangsa, yang mengkategorikan akhbar Malaysia pada kedudukan 110 (daripada 139 negara) oleh *Reporters Without Borders (Reporters sans frontiers)*. Sementara Mahathir Mohammad buat tahun ketiga berturut-turut dilabel sebagai antara 10 musuh utama akhbar oleh *International Committee to Protect Journalists (ICPJ)*. Kerajaan menafikan tuduhan tersebut dan menuduh kebebasan mutlak yang berakar umbi dari ideologi Liberalisme Barat tidak seharusnya mendapat tempat dalam sistem media negara kita dan tegas Zainudin Maidin: rating *Reporters Without Borders* adalah “komplot jahat” yang mempunyai “agenda tersembunyi” (Utusan Malaysia 5 Mei 2003).

Senario di atas menampakkan suatu krisis keyakinan dan pertentangan nilai antara pengamal media dan kerajaan yang masing-masing bersandarkan kepada satu set nilai untuk mentakrifkan demokrasi, hak asasi dan kebebasan akhbar di Malaysia selepas krisis 1987 dan krisis 1998. Pembatalan permit penerbitan akhbar dalam tempoh Operasi Lalang dan pindaan ke atas Akta Penerbitan dan Mesin Cetak ternyata memberi impak kepada industri persuratkhabaran di Malaysia khususnya pada tahun-tahun selepas krisis 1987, selepas akhbar-akhbar didakwa “mencabul” konsep “liberalisme media” di bawah pemerintahan Mahathir Mohammad.

## 1.2 Persoalan Kajian <sup>15</sup>

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan kuasa antara akhbar dan pemerintah dalam situasi krisis dengan mengkonstruksi tingkah laku aktor-aktor dalam pelaporan *Utusan Malaysia* semasa krisis 1987 dengan tumpuan kepada Operasi Lalang. Terdapat tiga isu utama dalam tempoh masa Operasi Lalang :

- a. Penahanan beramai-ramai di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA),
- b. Penarikan permit penerbitan *The Star*, *Sunday Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan*.
- c. Pengharaman semua bentuk perhimpunan politik dan ini termasuk Perhimpunan Umat Melayu UMNO pada 1 November 1987.

---

<sup>15</sup> Pembentukan persoalan kajian adalah berasaskan pendekatan dalam melihat hubungan kuasa. Rujuk bab 2.



Berasaskan isu-isu dalam Operasi Lalang di atas persoalan-persoalan dalam kajian ini dikonstruksi seperti berikut:

1. Apakah **konstruksi tingkah laku** aktor-aktor dalam liputan *Utusan Malaysia* semasa Operasi Lalang berdasarkan kepada isu:
  - a. Penahanan beramai-ramai di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)
  - b. Penarikan permit penerbitan *The Star*, *Sunday Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan*
  - c. Pengharaman Perhimpunan Politik di seluruh negara dengan fokus utama kepada pembatalan Perhimpunan Umat Melayu UMNO pada 1 November 1987.
  
2. Apakah **darjah/tahap konstruksi tingkah laku** aktor-aktor dalam liputan *Utusan Malaysia* terhadap Operasi Lalang berdasarkan kepada isu :
  - a. Penahanan beramai-ramai di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri
  - b. Penarikan permit penerbitan *The Star*, *Sunday Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan*
  - c. Pengharaman perhimpunan politik di seluruh negara dengan fokus utama kepada pembatalan Perhimpunan Umat Melayu UMNO pada 1 November 1998.
  
3. Apakah **hubungan kuasa** antara *Utusan Malaysia* dan Elit Pemerintah dalam situasi krisis dengan melihat kepada arah pelaporan *Utusan Malaysia* dan konstruksi tingkah laku aktor-aktor dalam pelaporan *Utusan Malaysia* semasa Operasi Lalang 1987?

### 1.3 Objektif Kajian

1. Melihat secara empirikal hubungan kuasa antara akhbar dan elit pemerintah semasa negara sedang menghadapi krisis.
2. Melihat bagaimana ideologi akhbar dan ideologi elit politik dalam UMNO saling berkait rapat dan bagaimana ia menyumbang ke arah konstruksi berita akhbar yang menunjukkan darjah keberpihakan terhadap sesuatu kelompok tertentu dalam situasi krisis dan impaknya ke atas sifat pengetahuan dan kebenaran berita akhbar.
3. Melihat bagaimana akhbar dalam situasi krisis dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh satu set nilai atau sistem nilai iaitu Nilai Asia yang menentukan bagaimana akhbar seharusnya berfungsi dan berperanan dalam situasi krisis.

4. Melihat bagaimana berita akhbar digunakan sebagai jurubicara atau aktor buaya dalam mencipta konsensus dalam pola-pola masyarakat semasa krisis.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

1. Kajian ini mampu menyumbang kepada penambahan korpus dalam bidang komunikasi khususnya dalam kajian media dan seterusnya mengurangkan jurang pengetahuan yang sedia wujud dalam melihat perkaitan antara krisis, kuasa dan kewartawanan.
2. Kajian ini diharapkan dapat melestarikan budaya penyelidikan sebagai wacana untuk meningkatkan budaya keintelektualan.
3. Kajian ini diharapkan menjadi “gelanggang latihan” untuk memperkemaskan skill penyelidikan agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengkaji untuk menjalankan peringkat kajian seterusnya.

#### **1.5 Sorotan Literature**

Kajian yang dilakukan oleh Siebert seawal tahun 50-an dalam melihat hubungan akhbar dan pemerintah, mendapati akhbar terpaksa secara berterusan menyesuaikan diri dengan kedudukan dalam masyarakat dan pemerintah, dalam menghadapi perubahan senario politik dalaman dan antarabangsa yang sedang berlaku. Siebert (1955) dalam kajiannya telah memperlihatkan skeptismenya ke atas fungsi akhbar di Amerika sama ada ia berupaya berfungsi dalam masyarakat demokratik dengan meneruskan “status tradisi” sebagai perusahaan bebas atau sebaliknya masyarakat meminta kerajaan memainkan peranan dalam mengawal akhbar. Siebert (1955) mengenalpasti tiga perkembangan utama yang mampu mempengaruhi status hubungan antara akhbar dan pemerintah iaitu perubahan dalam senario dunia yang mengancam keselamatan sesebuah negara, perubahan kuasa dalaman negara (pucuk kepimpinan) dan terakhir kemampuan akhbar untuk mengekalkan “prestasi” dalam hubungannya dengan kerajaan.

Siebert (1955) menegaskan bahawa ancaman komunis yang sedang meningkat (pada ketika itu), memungkinan kita untuk menjangkakan peningkatan dalam krisis dunia pada masa depan. Apabila ketegangan akibat krisis dunia semakin meningkat, pemerintah akan dipaksa untuk bersedia untuk menghadapi apa sahaja konflik. Secara tidak langsung pemerintah akan dipaksa untuk mengetatkan kawalan ke atas institusi akhbar dan rakyat. Apa yang pasti media komunikasi yang merupakan “senjata” penting dalam menghadapi krisis juga tidak terkecuali menghadapi kawalan ini. Sejarah selama 500 tahun menyaksikan apabila ketegangan meningkat kita akan menjangkakan kawalan ke atas seluruh aspek masyarakat termasuk akhbar akan meningkat. Dalam sebarang zaman, di mana masyarakat sedang berjuang untuk survival, proses demokrasi akan dikurangkan dan dalam kebanyakan kes demokrasi akan diketepikan secara keseluruhannya. Dalam keadaan ini, kita akan dapat menjangkakan bahawa kuasa eksekutif akan meningkat selaras dengan penurunan proses demokrasi. Kebajikan atau kesejahteraan dalam masyarakat semakin bergantung kepada keadaan dunia, sementara kuasa dan fungsi kerajaan dalam masyarakat akan bertambah (Siebert 1955:6-7, Brash & Ulloth (eds)1986:1).

Apa yang diungkapkan dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh Siebert (1955) & Brash & Ulloth (1986) adalah tepat malahan ia masih pratikal pada dekad ini, walaupun blok komunis telah runtuh, senario politik dan keselamatan antarabangsa pada dekad ini menghadapi ancaman baru dalam bentuk keganasan global. Peranan Amerika dalam hal ehwal politik antarabangsa semakin meningkat dengan muncul sebagai kuasa unipolar. Era selepas keruntuhan blok komunis dituruti dengan Perang Teluk. Konflik Balkan, menyaksikan perang antara Bosnia dan Serbia. Awal dekad ini ditandai dengan serangan penganas ke atas WTC dan Pentagon yang disusuli dengan serangan Amerika ke atas Afghanistan, DAN kini serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas rejim Saddam Hussein yang pengkaji sifatnya sebagai *the unfinished business*.

Krisis demi krisis ini menyebabkan kuasa eksekutif negara-negara terbabit mengetatkan lagi kebebasan rakyat dan akhbar dengan alasan untuk “memerangi” keganasan. Fenomena ini dilihat sebagai sebagai *governing through intimidation* yang selaras dengan

pendapat Siebert (1955) bahawa kuasa eksekutif semakin bertambah seiring dengan penurunan demokrasi dan satu persoalan yang menarik disini mampukah akhbar mengekalkan hubungan (bebas) dengan eksekutif dalam situasi krisis. Senario di atas lebih jelas dirumuskan dengan kenyataan Rojecki (2002):

*“Beginning with the Vietnam War and continuing through the wars in Central America, the Middle East, Africa, and the Balkans, scholars have grappled with a theory of the press and foreign policy to replace what Hallin (1992) has called the period of “high modernism.” In this account the Vietnam war began to fracture a period of extraordinary cooperation between political and media elites based on a consensual view of the Soviet Union as a dangerous implacable foe of the West.*

Hasil sorotan ke atas kajian-kajian lepas mendapati wujud tiga pandangan atau perspektif berlainan untuk mengungkapkan secara berkesan hubungan antara media dan elit pemerintah dalam persekitaran politik pasca perang dingin. Perspektif pertama diungkapkan secara berkesan oleh Herman & Chomsky (1988) bahawa hubungan antara elit politik, elit media dan kerajaan tidak banyak berbeza selepas era pasca perang dingin; dan media secara berterusan merupakan satu bentuk kawalan oleh elit politik sebagai mekanisme untuk mengekalkan hegemoni. Sementara perspektif kedua oleh Entman (2000) menunjukkan bahawa hubungan antara elit media dan elit politik lebih cenderung memihak kepada media pada era perang dingin apabila elit politik tidak dapat mencari “*demonize enemies*” untuk membangkitkan semangat patriotisme yang boleh diharapkan untuk mendapatkan sokongan media dan pendapat umum.

Perspektif ketiga dikemukakan oleh Rojecki (2002) yang mendapati era selepas perang dingin memperlihatkan hubungan antara elit politik dan elit media yang kurang konsisten dalam senario politik “baru” yang sekaligus telah menjejaskan keseimbangan antara elit media, elit politik dan kumpulan yang berkepentingan. Ringkasnya kajian yang dilakukan oleh Rojecki (2002) mendapati media pada era pasca perang dingin mempunyai

lebih banyak autonomi berbanding dengan elit politik dan wujud suatu kerjasama baru antara media dan kumpulan berkepentingan yang bakal "menjejaskan" kepentingan elit politik. Senario politik baru ini dan impaknya ke atas hubungan antara media dan kerajaan menurut Rojecki (2002) adalah berasaskan kepada tiga faktor utama iaitu pengurangan kedaulatan negara (*state sovereignty*) akibat politikal ekonomi, permansuhan sistem Soviet dan perkembangan teknologi maklumat.

Sementara kajian yang dilakukan oleh Burney (2002) mendapati era pasca serangan September 11 (9-11), menunjukkan bahawa hubungan antara media dan elit politik kembali kepada status quo seperti mana zaman perang dingin:

*"Post September 11 discourse in United States media as a hegemonic, state-oriented manufacturing of nationalism. Story and memory, images, words and icons, ritual, spectacle, advertising, and commercialism are deployed subliminally to construct self-serving nationalist mythologies. These grand narratives of nationalism evoke meanings and ideologies, which produce an us / them nationalist discourse that demonizes and dehumanizes the other. The US[A] / THEM discourse deflects attention elsewhere from key critical and moral issues raised by the United States war against terrorism".*

Burney (2002) dalam kajiannya juga mendapati nasionalisme sebagai satu bentuk ideologi bukan sahaja menjadi perbincangan utama dalam media massa selepas peristiwa 9-11, tetapi ia secara konsisten di *manufactured* sebagai normalisasi harian. Brecht (1978) mengelarkan fenomena ini sebagai "*everyday theatre*" di mana media beroperasi sebagai sistem encod yang dapat mempengaruhi pembuatan makna (*meaning making*) oleh audience. Sementara Berger (1972) menamakannya sebagai "*ways of seeing*". Chomsky (1987) juga menekankan media (Amerika) dalam situasi krisis akan cenderung membantu elit pemerintah mengalihkan permasalahan yang berpunca daripada institusi sendiri ke tempat lain seperti Vietnam, Amerika Tengah, atau Asia Barat atau [Afganistan]. Ringkasnya menurut Chomsky (1987) punca utama kepada keganasan dan kesengsaraan, adalah berpunca daripada media

yang mengalihkan perhatian kepada permasalahan yang berpunca uaiipaa...

bagi membolehkan **elit pemerintah bertindak tanpa halangan untuk mencapai cita-cita atas nama “kepentingan negara”** (tekanan ditambah). Jika apa yang diungkapkan oleh Chomsky dipraktikkan dalam krisis 1987 khususnya Operasi Lalang ia mungkin dapat menjelaskan hubungan antara akhbar dan pemerintah dengan lebih tepat dan komprehensif dalam senario krisis politik 1987.

Sorotan ke atas kajian-kajian lepas mengenai hubungan antara akhbar dan pemerintah dalam situasi krisis mendapati hubungan tersebut tidak statik dan mendapati akhbar atau media akan secara berterusan menyesuaikan diri dengan perubahan senario politik dalaman dan antarabangsa yang sedang berlaku, dan wujud kecenderungan akhbar untuk mencipta tema-tema nasionalisme, patriotisme atas nama “kepentingan negara” demi membentuk konsensus untuk melayan kepentingan elit politik dalam situasi krisis .

#### **1.6 Kerangka Teoritikal :**

Kajian ini didasari oleh kerangka teoritikal Kritikal Marxist yang digunakan oleh dua pendekatan utama dalam kajian media iaitu kajian budaya dan politikal ekonomi dalam melihat hubungan antara akhbar dan pemerintah. Walaupun pendekatan kajian budaya dan politikal ekonomi berasaskan kerangka teoritikal yang sama dalam mengungkapkan hubungan kuasa antara akhbar dan pemerintah tetapi fokus dan metodologi kedua-dua pendekatan ini adalah berlainan. Justeru itu pendekatan dalam kajian ini akan cenderung menggabungkan kedua-dua pendekatan ini bagi memastikan perbincangan yang menyeluruh dan komprehensif.

Ahli Kritikal-Marxist melihat masyarakat sebagai didominasi oleh kelas pemerintah dan elit politik melalui penguasaan ke atas sumber pengeluaran dan ekonomi. Hal ini selaras dengan pendapat Marx bahawa mereka yang menguasai sumber pengeluaran akan juga menguasai pengeluaran mental atau produk budaya. Justeru itu media cenderung dilihat sebagai agensi kuasa atau instrumen kawalan sosial dan pengeluaran ideologi yang bertujuan semata-mata melayan kepentingan kelas pemerintah dan elit dominan. Mengikut pandangan

ini institusi media adalah tidak bebas yang diintegrasikan ke dalam struktur masyarakat. Media dalam sistem kapitalis mengikut Ahli Kritis-Marx tidak mencerminkan persetujuan atau perubahan sosial, tidak juga menyalurkan kepelbagaian pandangan dan tidak mementingkan perdebatan secara kolektif dan bermakna (Newbold, Barrett & Bulck 2002:169).

Pemerintah dalam sistem ini (kapitalis) dikatakan “mewakili” suara rakyat secara kolektif (konsensus), justeru itu sebarang serangan terhadap pemerintah bukan sahaja dianggap sebagai serangan ke atas rakyat tetapi masyarakat secara keseluruhannya. Dalam pemerintah mempertahankan dan memberi perkhidmatan kepada rakyat, pemerintah perlu beranggapan bahawa hanya mereka sajalah yang memegang kebenaran dan hak. Jika pandangan yang berbeza (alternatif) dibenarkan wujud, pemerintah beranggapan bahawa pandangan ini mengancam kewujudan aturan dalam masyarakat. Jika rakyat diberi akses ke atas pandangan yang berbeza (melalui media) ia akan hanya mendorong rakyat untuk menjatuhkan pemerintah dan masyarakat yang sedia wujud. Hal ini dilakukan sebagai ugutan bahawa selagi negara dan hal ehwal keagamaan diwakili oleh pemerintah yang kuat dan tidak dicabar dari dalam, perkhidmatan akan terus diberikan kepada rakyat, negara tidak akan dijajah dan aturan masyarakat menjadi stabil (Brasch & Ulloth 1985: 5).

Melalui “konstruk” realiti, yang dipandu oleh pengaruh kuasa dari atas, media dikatakan mempunyai kuasa untuk memanipulasi. Berdasarkan hakikat ini, sifat kebenaran dalam institusi media hanyalah mitos semata-mata demi untuk menyorok ketidaksamarataan serta konflik kepentingan yang berlaku dalam masyarakat kapitalis. Dengan melakukan demikian, media akan berupaya menghasilkan kesedaran dan persetujuan palsu dengan tujuan untuk untuk mengesah dan mengekalkan aturan sosial dan kuasa yang sedia wujud. Hal ini dilakukan dengan menyalurkan produk yang standard dan ideologi dominan kepada audien.

Sementara Hall (1978) menyatakan bahawa “persetujuan” dan “kesedaran” ini dilakukan dengan mendukung andaian bahawa semua ahli masyarakat mempunyai

kepentingan yang sama dalam masyarakat dan semua ahli masyarakat mempunyai keadilan yang "samarata"... Inilah intipati idea *political consensus*, seolah-olah tidak ada perpecahan budaya dan ekonomi dalam masyarakat. Tidak ada konflik kepentingan antara kelas dan kumpulan. Jika wujud ketidaksetujuan dikatakan akan ada institusi yang sah untuk mendapatkan kembali persetujuan.

*"One such background assumption is the consensual nature of society: the process of signification-giving social meanings to events-both assumes and help to construct society as a "consensus". We exist as a members of one society because -it assumes-we share a common stock of culture knowledge with our fellow men: we have access to the same "maps of meanings". Not only we are able to manipulate these "maps of meanings" to understand events, but we have fundamental interests, value and concerns in common, which these maps embody or reflect. We all want to, or do, maintain basically the same perspective on events. In the view, what unites us, as a society and a culture-its consensual sides-far outweighs what divides and distinguishes us as group or classes from other groups"* (Hall 1978:13).

Senario yang diungkapkan oleh Hall (1978) di atas didukung oleh andaian media sebagai alat ideologi negara dan alat penindasan negara yang dipelopori oleh Althusser. Fungsi media sebagai alat ideologi negara dan alat penindasan negara mengikut Althusser diasaskan pada andaian bahawa media berupaya menghasilkan semula ketaatan masyarakat kepada hubungan pengeluaran; untuk mendisplinkan masyarakat kepada sejenis subjektiviti yang "baik" bagi pengendalian dan penerusan hubungan pengeluaran yang wujud. Menurut William (1965) jika ia digabungkan dengan komponen-komponen yang lain seperti sistem pendidikan, budaya dan sistem parti politik ia mampu menjalankan fungsi pengawalan dan menghasilkan ideologi kelas dominan" (Sullivan et al 1996: 1, Theborn 1978:148-150).

Hasil tulisan Hall dan adaptasi pandangan Althusser (1971) dan Gramsci (1969) mengenai tesis dominasi ideologi, mencerminkan masyarakat sebenarnya lebih kompleks dan



dinamik melibatkan pelbagai kumpulan yang bertentangan untuk mendapat dan mengekalkan hegemoni. Gramsci (1969) telah memperkembangkan konsep hegemoni yang merujuk kepada kemampuan kelas dominon menggunakan kepimpinan sosial dan budaya ke atas kelas subordinat untuk mengekalkan kuasa mereka. Aspek penting bagi pemahaman hegemoni ialah ia dilakukan dalam alam kesedaran, dan gambaran kejayaannya yang paling nyata ialah kemampuan individu memahami keseluruhan pengalaman sosial, budaya dan individu dalam istilah yang ditafsirkan, diperkukuhkan dan digunakan oleh blok kuasa, implikasinya hegemoni meneutralkan sesuatu yang dari segi sejarahnya merupakan ideologi kelas dan mengubahnya kepada bentuk pertimbangan akal atau perkongsian makna. Akhirnya kuasa dapat diamalkan bukan sebagai paksaan tetapi sebagai autoriti (Barbero 1993:74).

Hall (1977) menekankan bahawa *the media historically have to be left to one side by the exclusive attention given here to media as ideological apparatus*. Pandangan yang diungkapkan oleh Hall (1978) mendapat kritikan daripada Golding & Murdock (1979), kerana dikatakan terlalu teruja dengan tesis Gramsci dan Althusser. Hall menurut Golding & Murdock (1979) mempertahankan persoalan penentuan ekonomi sebagai pusat kepada sosiologi budaya Marxist, tetapi penentuan ekonomi tidak dilihat secara signifikan dalam analisis Hall. Ini kerana menurut Golding & Murdock (1979), Hall memusatkan punca permasalahan kepada pandangan Gramsci dan Althusser yang pada pendapat Hall telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan teori superstruktur dan hubungan base/superstruktur. Sebaliknya Golding & Murdock (1979) mencadangkan fungsi media sebagai apparatus ideologi hanya boleh difahami dengan jelas apabila ia secara sistematik dikaitkan dengan kedudukan akhbar sebagai perusahaan komersial yang berskala besar di mana hubungan itu dikaji secara sejarah (tekanan ditambah) (Golding & Murdock 1979:204-205). Inilah asas kepada perbezaan antara kajian budaya dan pendekatan politik ekonomi dalam melihat media sebagai alat atau apparatus ideologi pemerintah.

Hall (1986) menegaskan bahawa hegemoni elit pemerintah secara sistematik dan konsisten disokong oleh media. Hall (1986) seterusnya mengungkapkan konsep *primary*